

Sistem Permohonan Zakat untuk TAZU(OZAT)

Yunus Yusoff

**College of Information Technology
Universiti Tenaga Nasional
yunusy@uniten.edu.my**

AdnanYusoff

**Center for Islamic Studies and Civilisation
Universiti Tenaga Nasional
adnan@uniten.edu.my**

Mohd Hazli Mohammed Zabil

**College of Information Technology
Universiti Tenaga Nasional
hazli@uniten.edu.my**

AhmadAimanSyafiqKamarulZaman

**College of Information Technology
Universiti Tenaga Nasional**

ABSTRACT

It is generally known that the distribution of zakat is a lot more difficult and time-consuming, as opposed to the collection of zakat. As currently practiced by Tabung Amanah Zakat Universiti Tenaga Nasional (TAZU), the distribution of zakat can be largely segregated into three major processes, namely application, selection and disbursement of money. The first two processes are done manually and over the years, these processes are getting more difficult and time-consuming. The ever increasing awareness of available zakat assistance has contributed to the increased of applications by students

The online zakat distribution system, focusing on application, selection (via interviewing) and reporting, has been developed to assist TAZU in dealing with the increased number of zakat applications. The result of the pilot implementation is presented. Even with the considerable increase of applications, the system was able to process the applications efficiently and able to speed up the interview process, thus enabling the eligible students to get timely financial assistance.

Keywords: zakat distribution; zakat automation; zakat management system

I. LATARBELAKANG

Secara umumnya, proses pembahagian zakat adalah lebih sukar dan memerlukan banyak masa, jika dibandingkan dengan proses kutipan zakat. Telah terdapat banyak perbincangan mengenai kesukaran ini, seperti yang dibincangkan oleh [1]–[8]. Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) juga menghadapi masalah dari segi proses pembahagian zakat, terutama yang melibatkan pembahagian bantuan kepada pelajar-pelajar.

Sejarah penubuhan Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) bermula pada 14 Julai 2014, apabila Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah dilantik sebagai Penolong Amil bagi pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS). Sehubungan dengan itu, pada 2 September 2010, satu perjanjian persefahaman (MoU) telah ditandatangani di antara UNITEN dan LZS bagi mengesahkan perlantikan tersebut. Dengan termeterainya perjanjian tersebut, lahirlah sebuah badan yang dinamakan Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU). Sebagai Penolong Amil, TAZU diamanahkan untuk mengutip dan mengagihkan wang zakat. Matlamat utamanya adalah untuk menyediakan bantuan kewangan kepada para pelajar yang layak (berdasarkan golongan snaf zakat) bagi membolehkan pelajar-pelajar ini meneruskan pengajian mereka.

Secara umumnya, tugas utama yang TAZU terbahagi kepada dua, iaitu kutipan dan pengagihan zakat. Berbanding proses kutipan zakat, proses pengagihan zakat adalah lebih lebih mencabar memandangkan ia memerlukan lebih masa dan tenaga berbanding dengan proses kutipan zakat. Antara faktor yang menjadikan proses kutipan zakat lebih mudah adalah kerana proses kutipan zakat telah dilakukan secara automatik, sebagai contoh kutipan zakat dikalangan staf UNITEN dilakukan secara potongan gaji setiap bulan. Kutipan zakat secara potongan gaji ini tentunya tidak menggunakan tenaga kerja yang banyak kerana dilakukan secara automatik setiap bulan.

Berbanding dengan proses kutipan zakat, kebanyakan aspek di dalam proses pengagihan zakat masih perlu dilakukan secara manual. Natijahnya, proses agihan zakat menjadi lebih rumit dan memerlukan masa yang lebih lama untuk diselesaikan. Proses ini menjadi lebih membebankan dengan pertambahan bilangan pelajar yang memohon wang zakat dari tahun ke tahun. Bagi sesuatu kes permohonan zakat oleh pelajar, masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan boleh menyebabkan pelajar berkenaan tidak mendapat bantuan yang diminta dalam tempoh masa yang diharapkan dan sekaligus menjejaskan pembelajaran pelajar tersebut untuk meneruskan pelajaran mereka.

Tujuan artikel ini adalah untuk berkongsi pengalaman pihak TAZU dalam usaha untuk mengautomasikan sebahagian besar proses pengagihan zakat kepada para pelajar di UNITEN menggunakan suatu sistem maklumat berkomputer. Untuk tujuan pembentangan, artikel ini disusun seperti berikut: Bahagian I memberikan latarbelakang tentang TAZU. Bahagian II menerangkan proses agihan zakat secara manual yang digunapakai oleh TAZU. Bahagian III menjelaskan tentang Sistem Permohonan Zakat secara atas talian (OZAT). Bahagian IV menganalisis kesan implementasi OZAT terhadap proses agihan wang zakat oleh TAZU dan bahagian terakhir memberikan kesimpulan ke atas kajian yang telah dijalankan.

II. PERMOHONAN ZAKAT SEBELUM PROSES AUTOMASI

Secara umumnya, pengagihan wang zakat yang dilaksanakan oleh TAZU terbahagi kepada tiga proses utama, iaitu permohonan, pemilihan dan agihan wang.

Di dalam proses permohonan, setiap pemohon (iaitu pelajar UNITEN) dikehendaki untuk mengisi borang permohonan yang boleh di dapati dari pejabat TAZU. Borang yang telah siap diisi hendaklah dikembalikan kepada pejabat TAZU. Seorang pegawai akan ditugaskan akan mengumpul semua permohonan dan apabila tarikh permohonan telah tamat, maka pegawai tersebut akan memeriksa untuk memastikan borang-borang permohonan telah pun di isi dengan sempurna.

Pemohon yang tidak mengisi borang dengan sempurna akan dihubungi dan diminta untuk melengkapkan borang tersebut.

Apabila proses permohonan telah selesai, maka proses pemilihan melalui temuduga akan dimulakan. Pegawai yang ditugaskan perlu merancang sesi temuduga dengan menyusun slot-slot temuduga. Antara tugas pegawai berkenaan ialah menghubungi para penemuduga dan memastikan bahawa para penemuduga mempunyai waktu yang terluang untuk menghadiri slot temuduga yang disusun. Proses ini mengambil masa yang agak lamakerana sukar untuk memadamkan masa luang penemuduga dengan slot-slot sesi temuduga yang telah disediakan. Seterusnya, pelajar-pelajar yang telah membuat permohonan akan dibahagikan kepada slot-slot temuduga yang telah disusun. Proses ini menjadi lebih rumit, kerana pada kebiasaannya proses temuduga diadakan setelah semester pengajian bermula. Adalah sukar untuk memastikan pelajar boleh menghadiri slot temuduga yang ditetapkan, kerana waktu temuduga yang telah ditetapkan itu mungkin bercanggah dengan jadual kuliah pelajar, selain kekangan-kekangan lain yang dihadapi pelajar. Melalui pengalaman dan rekod yang lepas, terdapat banyak kes dimana pelajar tidak dapat hadir ke sesi temuduga yang ditetapkan kerana masalah waktu temuduga yang tidak sesuai.

Semasa sesi temuduga, pegawai TAZU yang bertugas menyediakan maklumat lengkap setiap pelajar untuk rujukan para penemuduga. Maklumat yang disediakan adalah dalam bentuk lembaran kerja yang dicetak. Pelajar akan dipanggil untuk sesi temuduga dan keputusan temuduga akan dicatatkan oleh pegawai yang bertugas.

Setelah selesai proses temuduga, keputusan temuduga akan dibentangkan kepada Jemaah Pengurusan TAZU untuk disahkan. Bagi pelajar-pelajar yang berjaya, maklumat mereka akan diberikan kepada Jabatan Kewangan UNITEN, bagi menguruskan agihan wang ke dalam akaun pelajar. Bagi permohonan yang tidak berjaya, tiada sebarang maklumat yang diberikan.

Dari pengamatan kami, proses permohonan secara manual seperti yang dibentang di atas, mempunyai beberapa kelemahan yang ketara.

- Di pihak pelajar:
 - Proses permohonan yang memakan masa dan menyukarkan pelajar. Ini adalah kerana pelajar perlu mendapatkan borang bercetak di pejabat TAZU, mengisinya secara manual dan menghantar semula borang permohonan tersebut ke pejabat TAZU.
 - Kesukaran pelajar untuk mengetahui status permohonan. Selepas menghantar borang permohonan, pelajar hanya menunggu panggilan dari pihak TAZU untuk mengetahui status permohonan.
- Di pihak TAZU
 - Kesukaran untuk menyediakan jadual temuduga, seterusnya mengendalikan sesi temuduga. Ini termasuklah mencari waktu yang sesuai untuk penemuduga dan pelajar.
 - Kesukaran menyediakan maklumat pemohon yang menyeluruh untuk rujukan semasa sesi temuduga. Kesukaran ini berlaku kerana maklumat permohonan yang dihantar dalam bentuk borang bercetak perlu disalin semula dalam bentuk hamparan lembaran. Proses ini walaupun tidak rumit tetapi mengambil masa dan cenderung kepada kesilapan semasa menyalin semula maklumat.
 - Kesukaran pegawai TAZU memantau status permohonan dan juga menganalisa rekod-rekod permohonan yang lalu. Kesukaran ini adalah disebabkan semua rekod-rekod permohonan adalah dalam bentuk dokumen bercetak. Ini menyukarkan kerja mencari, merujuk dan mengemaskini maklumat permohonan. Proses menganalisa maklumat permohonan lalu tentunya menjadi tugas yang membebankan kepada pihak TAZU.

Melihat kepada kesukaran yang dihadapi pihak TAZU, maka satu penyelesaian perlu disediakan untuk membolehkan pihak TAZU menjadikan proses agihan wang zakat kepada pelajar lebih cekap dan lestari.

III. SISTEM PERMOHONAN ZAKAT SECARA DALAM TALIAN

Berdasarkan kesukaran proses agihan zakat, seperti yang dibincangkan di seksyen II di atas, maka satu sistem permohonan zakat secara dalam talian telahpun di bina untuk kegunaan TAZU dan para pelajar UNITEN. Sistem yang dibangunkan ini diberikan nama sebagai OZAT (Online Zakat Application for TAZU)

A. Metodologi

Pembangunan sistem OZAT adalah khusus berdasarkan kepada keperluan yang diberikan oleh TAZU. Bagimendapatkan keperluan sistem yang menyeluruh, beberapa sesi temuduga telah diadakan dengan pegawai-pegawai TAZU, bagimengenalpasti fungsi-fungsi sistem yang diperlukan. Untuk memastikan sistem ini dapat digunakan dengan baik oleh pelajar UNITEN, maka beberapa pelajar-pelajar UNITEN yang pernah memohon bantuan zakat dari TAZU sebelum ini telah ditemuduga untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas mereka.


Pembangunan sistem OZAT tidak hanya melibatkan pengautomasian sistem manual semata-mata, malah beberapa proses telah diperbaiki bagi menjadikan proses permohonan lebih efisien serta mengoptimumkan faedah penggunaan ICT dalam rangka kerja TAZU. Sebagai contoh, beberapa maklumat yang sebelum ini perlu di isi oleh pemohon seperti umur pemohon, tidak lagi diminta oleh sistem, kerana maklumat tersebut boleh diekstrakdari nombor kad pengenalan pemohon secara automatik.

Metodologi pembangunan sistem ini menggunakan konsep *evolutionary prototyping*, di mana setiap prototaip akan diberikan kepada pengguna untuk disemak dan memastikan ia memenuhi keperluan TAZU. Sistem OZAT ini telah melalui beberapa fasa protaip.

Senibina sistem atas talian diadaptasi bagi memastikan sistem ini dapat dicapai oleh pengguna (pelajar, penemuduga dan juga pihak TAZU sendiri) dengan meluas melalui jaringan Internet. Proses pembangunan sistem melibatkan penggunaan bahasa pengaturcaraan PHP dan juga pangkalan data sumber terbuka MySQL.

B. Sistem OZAT- perspektif pemohon

Sebaik sahaja login ke dalam sistem, pemohon diberikan peluang untuk melaksanakan beberapa fungsi seperti "Permohonan Zakat", "Status Permohonan", "Cetak Permohonan" dan "Maklumat Akaun". Sila lihat Rajah 1.



Rajah 1

Untuk memohon bantuan zakat, pelajar perlulah memilih fungsi "Permohonan Zakat". Maklumat-maklumat yang diminta perlu diisi dan sistem akan lakukan pengesahan data untuk memastikan bahawa maklumat-maklumat yang dimasukkan adalah sah dan tepat. Kesalahan mengisi data semasa proses manual dahulu, kini dapat dielakkan melalui proses pengesahan oleh sistem. Sebagai contoh, sila lihat Rajah 2.

Tarikh tutup permohonan sebelum atau selepas-lematnya pada 30/06/2014

Maklumat Pelajar

No. IC* : 881123034445
 Nama* : HASANAH BINTI RAMLAN
 No. ID* : SW123456
 Alamat Semasa* : 20 Jalan Kampung Baru
 Poskod* : 13450
 Bandar* : Bandar Baru Bangi
 Negeri* : SELANGOR
 No. HP* : 012345678
 Jantina* : Lelaki Perempuan
 Status Perkahwinan* : BUJANG

Program* : mputer Science (Software Engineering) (Hons)
 Kolej* : College of Information Technology
 Kampus* : Putrajaya KSHAS
 Tahun Pengajian* : 3
 Sem* : 1
 Sesi* : 2014/2015
 Status Pengajian* : AKTIF

Rajah 2

Pelajar yang ingin mendapatkan bantuan wang zakat TAZU, perlu memohon melalui OZAT menggunakan fungsi “Permohonan Zakat”. Ini perlu dilakukan pada setiap semester yang mana pelajar ingin dapatkan bantuan. Permohonan kali pertama memerlukan pelajar mendaftar sebagai pemohon dengan memasukkan semua maklumat yang diminta. Selepas mendaftar kali pertama, bagi permohonan seterusnya, pemohon hanya perlu mengemaskini maklumat yang telah dimasukkan. Semua maklumat yang dimasukkan oleh pemohon disimpan di dalam pangkalan data sistem.

Selesai sahaja proses memasukkan data, pemohon boleh memilih fungsi “Hantar permohonan” dan menerima syarat-syarat yang dinyatakan.

Apabila telah tamat tempoh permohonan, pegawai TAZU boleh melihat senarailengkap permohonan. Berdasarkan jumlah permohonan, pegawai berkenaan boleh mengenalpasti jumlah sesi temuduga yang diperlukan. Dengan memilih fungsi “Create Sesi Temuduga”, pegawai boleh memasukkan maklumat berkenaan sesi temuduga, seperti tarikh, masa, tempat dan sebagainya. Sila lihat Rajah 3.

Sesi Temuduga TAZU

Sem Dan Sesi : 1 2014/2015
 Tarikh Temuduga :
 Masa Mula : Masa Akhir :
 Tempat Temuduga :
 Kapasiti Temuduga :
 ID Ahli Panel :
 (1)
 (2)
 (3)
 (4)
 (5)

ID Temuduga	Tarikh Temuduga	Masa Temuduga	Tempat Temuduga	Kapasiti	Panel	Padan
3	09/07/2014	09:00 AM - 11:00 AM	Masjid UNTEN	3 / 35	0	<input type="button" value="Padam"/>

Rajah 3

Apabila selesai proses penyediaan sesi temuduga, pemohon bolehlah memilih slot temuduga yang sesuai untuk mereka. Maka dengan ini, isu pemohon tak boleh hadir kerana slot temuduga tidak sesuai, dapat diminimalkan. Pegawai TAZU juga tidak perlu memperuntukan terlalu banyak

masa seperti sebelumnya untuk membahagikan pelajar kepada sesi temuduga kerana proses ini telah dipermudahkan.

C. Sistem OZAT – Fungsi pentadbir

Disamping memudahkan proses permohonan oleh pelajar, OZAT juga menyediakan beberapa fungsi yang memudahkan pegawai TAZU menjalankan tugas. Salah satu tugas pentadbir sistem (dilaksanakan oleh pegawai TAZU) ialah menyediakan sesi temuduga, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Sistem ini juga membolehkan pentadbir sistem untuk menyenaraikan maklumat pemohon dalam beberapa variasi. Contohnya, pentadbir sistem boleh mendapatkan senarai permohonan semasa, senarai permohonan berdasarkan semester, senarai permohonan yang berjaya, senarai permohonan yang gagal, dan sebagainya.

Pentadbir sistem juga boleh mengemaskini keputusan temuduga terus ke dalam OZAT dan juga menukar status permohonan pelajar berdasarkan keputusan yang dibuat.

Sebagai penemuduga, fungsi mencari dan mempamerkan maklumat tentang pelajar yang ditemuduga juga ada disediakan. Penemuduga tidak lagi perlu menyemak di atas kertas yang dicetak, yang menjadikan proses pencarian agak sukar dan maklumat di atas kertas juga terhad. Secara tidak langsung penggunaan kertas dalam proses ini dapat dikurangkan dengan ketara. Rajah 4 menunjukkan contoh senarai yang boleh dipamerkan dengan menggunakan fungsi pentadbir.

No. KP	Nama	Sem Dan Sesi	Maklumat	Status Permohonan
910809010001	AHMAD SYAFIQ BIN ABDUL RAHMAN	1 2014/2015	Maklumat	Dokumen Pengesahan : <input type="radio"/> Lengkap <input type="radio"/> Tidak Lengkap <input type="radio"/> Gagal hantar <input type="button" value="Hantar"/>
881122034441	HAMDAN BIN TAHIR	1 2014/2015	Maklumat	Dokumen Pengesahan : <input type="radio"/> Lengkap <input type="radio"/> Tidak Lengkap <input type="radio"/> Gagal hantar <input type="button" value="Hantar"/>
881122034442	HAMIDAH BINTI HARUN	1 2014/2015	Maklumat	Dokumen Pengesahan : <input type="radio"/> Lengkap <input type="radio"/> Tidak Lengkap <input type="radio"/> Gagal hantar <input type="button" value="Hantar"/>

Rajah 4

IV. KEPUTUSAN PERLAKSANAAN RINTIS

Sistem OZAT ini di laksanakan untuk kali pertamanya, yang merupakan pelaksanaan rintis pada semester 1 sesi 2014/2015 yang bermula pada bulan Jun 2014. Dalam pengamatan awal, beberapa kesan positif hasil dari pelaksanaan sistem ini dapat diperhatikan.

Jumlah pelajar yang memohon bantuan zakat telah bertambah dengan lebih dari sekali ganda. Dari rekod permohonan sebelumnya, jumlah permohonan adalah disekitar 100 – 150, tetapi dengan pelaksanaan OZAT, jumlah permohonan telah meningkat dengan drastik kepada lebih dari 300 permohonan.

Selain dari itu, masa yang diperlukan untuk pihak TAZU menyediakan dan mengurus sesi temuduga juga telah berjaya dikurangkan dengan ketaranya. Jumlah pemohon yang tidak hadir ke sesi temuduga juga telah berjaya dikurangkan ke tahap yang minimum.

Secara umumnya, berikut adalah beberapa hasil yang positif yang telah dicapai melalui pelaksanaan rintis sistem OZAT:

- Memudahkan proses untuk memohon. Pelajar hanya perlu mengisidkan menghantar borang permohonan secara atastalian. Akses melalui jaringan Internet Memudahkan pelajar kerana tidak perlu lagi pergi ke pejabat TAZU untuk proses permohonan.
- Memudahkan pemohon untuk mengetahui status permohonan mereka. Status permohonan boleh disemak secara atas talian.
- Memudahkan proses penyediaan sesi temuduga dan memudahkan pemohon untuk memilih sesi temuduga yang bersesuaian dengan waktu mereka. Ini mengurangkan kadar pemohon yang tidak hadir ketika sesi temuduga.
- Memudahkan penemuduga untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh berkenaan pemohon semasa sesi temuduga.
- Memudahkan pegawai TAZU untuk mengawal selia dan memantau status permohonan dan membuat analisa berkaitan permohonan yang lalu.

V. KESIMPULAN

Perlaksanaan sistem OZAT, telah membuahkan hasil yang sangat positif dari aspek pengagihan wang zakat kepada pelajar-pelajar UNITEN. Sistem ini juga telah membantu pihak TAZU untuk dapat menjalan tugas dengan lebih efektif dan efisien dan secara tidak langsung meningkatkan produktiviti TAZU. Walaupun sistem ini masih ditahap pelaksanaan rintis, namun ia telah mencapai objektif yang disasarkan.

Sistem ini masih lagi melalui proses penambahbaikan dan antara fungsi yang akan ditambah ialah membangunkan aplikasi permohonan melalui perantimudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Adalah dijangkakan, dengan adanya sistem mudah alih, proses permohonan dan proses-proses sampingan lain yang berkaitan akan menjadi lebih mudah dan akhirnya hasrat pihak TAZU untuk mengoptimumkan pengagihan zakat kepada pelajar-pelajar yang layak menerima akan meningkat ke arah yang lebih tinggi.

REFERENCES

- [1] I. D. Yusof, S. Ahmad, and H. Wahid, "Zakat: Analisis Pengurusan dan Trend Agihan di Melaka," in *PROSIDING PERKEM VIII*, 2013, vol. 2, pp. 926–937.
- [2] M. Lubis, N. I. Yaacob, Y. Omar, A. Dahlan, and A. Rahman, "Enhancement of zakat distribution management system: case study in Malaysia," in *International Management Conference 2011 Proceedings*, 2011, pp. 1–10.
- [3] A. Ab Rahman, M. Alias, and S. M. N. Syed Omar, "Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues," *Glob. J. Al-Thaqafah*, vol. 2, no. 1, pp. 35–41, 2012.
- [4] A. H. Mohd Noor, M. S. Abdul Rasool, and H. Bahrom, "Kajian keberkesanan pengagihan dana zakat di Malaysia: kajian kes negeri-negeri terpilih," Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA, IRDC(RD)FLA.2006, Mar. 2006.
- [5] H. Wahid, R. A. Kader, and S. Ahmad, "Localization of Zakat Distribution and The Role of Mosque: Perceptions of Amil and Zakat Recipients in Malaysia," in *International Zakat Conference: Sustainable Zakat Development in the Poverty Alleviation and Improvement of Welfare of the Ummah*, Bogor, Indonesia, 2011.

- [6] M. I. MdRazak, R. Omar, M. Ismail, A. S. Amir Hamzah, and M. A. Hashim, "Overview of Zakat Collection in Malaysia: Regional Analysis," *Am. Int. J. Contemp. Res.*, vol. 3, no. 8, Aug. 2013.
- [7] A. CheYaacob, S. Mohamed, A. Daut, N. Ismail, and M. A. Mohd Don, "Zakat disbursement via capital assistance: a case study of Majlis Agama Islam Johor," *J. Emerg. Econ. Islam. Res. JEEIR*, vol. 1, no. 2, 2013.
- [8] M. Yusoff and S. Densumite, "Zakat distribution and growth in the federal territory of Malaysia," *J. Econ. Behav. Stud.*, vol. 4, no. 8, pp. 449–456, 2012.